

# PROTON DIPASANG

14 NOV 1972

**KUALA LUMPUR**  
13 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mungkin mengadakan usahasama memasang kereta Proton di Chile atau menggunakan bahan yang dikeluarkan oleh negara itu untuk kereta nasional.

Beliau berkata, Malaysia bercadang untuk menjadikan Chile sebagai negara pengeksport Proton Saga ke beberapa buah negara yang mempunyai perjanjian penghapusan cukai dengan negara itu.

## Usahasama

Bercakap kepada pemberita s & p a s menghantar pulang Presiden Chile, Patricio Aylwin Azocar di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) tengah hari ini, Dr. Mahathir berkata, bagaimanapun sebelum projek usahasama ini boleh dijalankan, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu.

Katanya, yang pertama ialah mereka (Chile) menggunakan kereta yang sterangnya terletak di sebelah kiri sedangkan Malaysia di sebelah kanan.

"Jika kita berhasrat untuk mengeksport Proton ke negara itu atau mengadakan kerjasama,

ma, kita mestilah mengubahsuai kereta kita dari stereng sebelah kanan kepada sebelah kiri," kata beliau.

Dr. Mahathir juga menyentuh tentang perlunya Malaysia memahami sistem cukai di Chile supaya kereta nasional dapat dijual dengan harga yang berpatutan.

Beliau berkata, Malaysia sebenarnya sudah mula melabur di Chile dalam bidang-bidang tertentu seperti perlombongan di mana Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam bidang itu.

## Terkenal

Kata Dr. Mahathir, Chile terkenal sebagai pengeluar tembaga terbesar di dunia malah terdapat beberapa tempat yang mempunyai potensi emas.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia yang mempunyai pengalaman dalam perlombongan bijih timah mungkin mengadakan kerjasama dalam perlombongan emas jika projek ini menunjukkan potensi.

Mengenai lawatan Presiden Chile ke negara ini, Dr. Mahathir berkata, lawatan rasmi tersebut akan merapatkan hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara.

Kata Dr. Mahathir lagi, apa yang memberansangkan ialah lawatan Presiden Aylwin membolehkan rombongan itu menyaksikan beberapa projek

**LIHAT MUKA 2**

# MUNGKIN DI CHILE

# PROTON MUNGKIN DIPASANG DI CHILE

14 NOV 1992

dan peluang perniagaan yang ada di Malaysia yang selama ini mereka sanjakan tidak ada.

Beliau menambah, rombongan Chile itu juga amat tertarik dengan konsep pengurusan di kilang Proton dan penyelidikan kelapa sawit.

"Pembangunan dan peluang-peluang perniagaan yang ada di Malaysia juga telah menarik perhatian Presiden Aylwin sehingga beliau meminta para pelabur dan usahawan negara itu melawat Malaysia jika mereka singgah di rantau ini," ujar Perdana Menteri.

Tambah beliau, ASEAN juga akan dimaklumkan mengenai keperluan mengadakan kerjasama dan perjumpaan dengan Kumpulan Rio iaitu satu kumpulan negara-negara Amerika Latin.

Mereka juga, katanya, bersetuju untuk menyertai SITTEDEC yang merupakan sistem pengumpulan data dan maklumat mengenai ekonomi negara-negara membangun yang berpusat di Malaysia.

Kata Dr. Mahathir, selama ini, para usahawan Chile lebih banyak tertumpu kepada Taiwan, Hong Kong dan Jepun.